# PANDUAN AKTIVITI KEAGAMAAN DI MASJID DAN SURAU NEGERI KEDAH DARUL AMAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

## FASA 1 PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

DI KEMASKINI:
**12 OGOS 2021**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Rujukan Merangkumi** | • Pengumuman Khas YAB Perdana Menteri Malaysia berkenaan kemudahan individu yang menerima Vaksin Lengkap (10 Ogos 2021).<br>• Semua masjid dan surau yang **dilaksanakan Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN)** di seluruh Negeri Kedah. | **Arahan Tetap** | • Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JHEAIK.<br>• Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.<br>• Arahan Pegawai Agama Daerah adalah muktamad sekiranya berlaku sebarang kekeliruan. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Waktu Operasi** | Solat Fardu: 30 minit<br>Solat Jumaat: 1 jam 30 minit | **Kuatkuasa** | • Bermula 13 Ogos 2021 sehingga **perubahan Fasa Pelan Pemulihan Negara** atau;<br>• Pengumuman daripada kerajaan/ JHEAIK. |

## KEBENARAN KEPADA JEMAAH



**DIBENARKAN** hanya kepada anak kariah yang telah lengkap divaksin mengikut kepada terma **VAKSIN LENGKAP**



Mempamerkan **SIJIL DIGITAL VAKSIN** atau **KAD VAKSIN** bersama **Kad Pengenalan** ketika untuk masuk ke premis

***Terma **VAKSIN LENGKAP** oleh Majlis Keselamatan Negara **(MKN)**

MAKSUD **VAKSIN LENGKAP**

| | |
|---|---|
| **2 DOS SUNTIKAN** | **PFIZER, ASTRAZENECA DAN SINOVAC SELEPAS HARI KE-14 DARI TARIKH SUNTIKAN DOS KEDUA.** |
| **1 DOS SUNTIKAN** | **JOHNSON & JOHNSON DAN CANSINO SELEPAS HARI KE-28 DARI TARIKH SUNTIKAN.** |

## SYARAT & KEWAJIPAN JEMAAH/ INDIVIDU



**TIDAK DIBENARKAN** kepada mempunyai simptom (demam, selsema, batuk)



**TIDAK DIBENARKAN** bagi yang menghidap penyakit kronik / golongan berisiko



Suhu Melebihi 37.5 darjah **TIDAK DIBENARKAN** masuk



Membawa **Sejadah Saiz Standard/ Besar**



Memakai pelitup muka **dengan betul sepanjang solat atau berada** di masjid/ surau




Memastikan Penjarakan Sosial **minimum 1 meter**



**TIDAK DIBENARKAN** menukar kariah. Hanya anak kariah bermastautin / bermukim sahaja.




**WAJIB** setiap Jemaah mendaftarkan di dalam Buku Log/ MySejahtera




**TIDAK DIBENARKAN** Bersalaman/ pelukan/ bersentuhan diantara jemaah



**TIDAK DIBENARKAN** kanak-kanak 12 tahun ke bawah


© **Bahagian Pengurusan Masjid & Surau**

# AKTIVITI KEAGAMAAN DAN PROTOKOL

***(Penentuan Zon mengikut mukim berdasarkan peta harian** kes yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Kedah)*

| AKTIVITI KEAGAMAAN | PROTOKOL FASA 1 PELAN PEMULIHAN NEGARA | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | MUKIM ZON HIJAU | MUKIM ZON KUNING | MUKIM ZON JINGGA | MUKIM ZON MERAH | PKPD |
| Solat Fardu<br><br>Solat Jumaat | **DIBENARKAN**<br>100 orang<br>(**Tidak termasuk** Pegawai dan Jawatankuasa Masjid) | | | **DIBENARKAN**<br>50 orang<br>(**Termasuk** Pegawai dan Jawatankuasa Masjid) | **DIBENARKAN SOLAT FARDU**<br>5 orang<br>(terdiri Pegawai dan Jawatankuasa Masjid)<br><br>**SOLAT JUMAAT DITANGGUHKAN** |
| Wirid, Doa & Solat Sunat *Ba'diyah* | **DIBENARKAN**<br>**Dalam tempoh yang singkat** dan **segera beredar** selepas menyempurnakannya | | | | |
| Berkumpul Selepas Solat | **TIDAK DIBENARKAN** | | | | |
| Amalan ***Iktikaf*** selepas solat di masjid | **TIDAK DIBENARKAN** | | | | |
| Program Keagamaan (Ceramah, Kuliah Maghrib, Bacaan Yaasin Malam Jumaat dan lain-lain) | **TIDAK DIBENARKAN** | | | | |
| Aktiviti kemasyarakatan (Jamuan/ Kenduri/ Gotong Royong dan lain-lain) | **TIDAK DIBENARKAN** | | | | |
| Aktivti penyediaan makanan/ memasak di kawasan masjid | **TIDAK DIBENARKAN** | | | | |
| Menunaikan solat diluar lokaliti / kariah | **TIDAK DIBENARKAN**<br>Jemaah dari masjid atau surau daripada **mana-mana kariah** untuk tidak keluar dari lokaliti/ kariah | | | | |
| Pengurusan Jenazah **(kematian kes COVID-19)** | • Diuruskan dibawah:<br>1. Garis Panduan Pengurusan Kematian Covid-19 yang dikeluarkan oleh KKM.<br>2. Garis Panduan Pengurusan Jenazah Islam Covid-19 oleh JAKIM.<br>• Aktiviti adalah tertakluk tayammum, kafan, solat jenazah dan pengebumian. | | | | |
| Solat Jenazah **(bukan COVID-19)** | • hanya **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah tidak melebihi **50 orang** (**termasuk pegawai dan jawatankuasa**) bagi masjid dan surau yang berada di **Zon Hijau/ Zon Kuning atau Zon Jingga** dengan penjarakan tidak kurang 1 meter di antara jemaah; dan<br><br>• hanya **DIBENARKAN** dengan kehadiran jemaah **20 orang** jemaah sahaja (**termasuk pegawai dan jawatankuasa**) bagi masjid dan surau yang berada di **Zon Merah** dan **kawsan PKPD** dengan penjarakan tidak kurang 1 meter di antara jemaah. | | | | |
| Pengurusan Jenazah **(bukan COVID-19)** (Pengebumian, talqin & doa) | **TIDAK MELEBIHI 20 orang,** terdiri daripada pegawai/ jawatankuasa masjid, petugas dan ahli keluarga si mati sahaja. | | | | |
| Khemah Tambahan | **TIDAK DIBENARKAN** | | | | |


© Bahagian Pengurusan Masjid & Surau

## SYARAT & KEWAJIPAN JAWATANKUASA PENGURUSAN MASJID / SURAU



**Kaunter Pendaftaran** dibuat di pintu masuk dan dilantik petugas kalangan Jawatankuasa




**WAJIB** menyediakan Buku Log/ QR Code MySejahtera



**Penyediaan Hand Sanitizer** oleh masjid/ surau



Kaedah **penggiliran yang secara adil** dan bersesuaian untuk anak kariah hadir solat Jumaat



**TIDAK DIBENARKAN** Sesak / Berkumpul selepas solat



Jemaah mengambil tempat yang telah ditetapkan **SAHAJA** dengan jarak **minimum 1 METER**




Tutup Pintu Pagar apabila mencukupi jumlah yang **DIBENARKAN**



Solat Fardhu/ Solat Jumaat **TIDAK MELEBIHI** waktu yang dibenarkan



Khatib/ Imam membaca surah pendek dan **teks khutbah JHEAIK**



Pengurusan Masjid/ Surau mesti **membuat pantauan** supaya tidak ada Jemaah berkumpul

## AMALAN PENCEGAHAN

i. Hendaklah memastikan agar **peredaran udara yang lancar di dalam kawasan ruang solat dengan membuka pintu dan tingkap** ketika aktiviti keagamaan dilaksanakan.

ii. Jemaah/ahli kariah yang hadir solat berjemaah di masjid dan surau **WAJIB jujur dengan kondisi diri masing-masing** dengan memastikan tidak bergejala, bukan kontak rapat kes positif CIVID-19 dan bukan dari kawasan PKPD atau lokasi berisiko tinggi penularan wabak tersebut.

## ARAHAN KHAS

i. Pejabat Agama Daerah berhak menentukan larangan yang lebih ketat terhadap mana-mana masjid dan surau dari semasa ke semasa dalam memastikan pengekangan penularan wabak Covid-19, selaras dengan slogan Kerajaan "Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi Covid-19".

ii. Mana-mana masjid dan surau yang didapati jemaah yang hadir adalah positif Covid-19, operasi masjid **hendaklah ditutup sepenuhnya** dan dilakukan proses sanitasi dan disinfeksi secara keseluruhan, serta **dibuka semula 7 hari selepas proses sanitasi dilakukan**, dan tertakluk atas nasihat dan pandangan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah (JKKD) Khas Isu Covid-19. **(**Pengurusan masjid **hendaklah menghantar Laporan Bergambar** dihantar kepada **Pejabat Agama Daerah semasa proses sanitasi dilaksanakan)**



**PELANGGARAN/ PEMATUHAN**

- Pihak pengurusan masjid dan surau **hendaklah mematuhi segala arahan dan SOP** yang telah ditetapkan sebelum ini oleh pihak JHEAIK dan KKM.
- Mana-mana masjid atau surau yang melanggar dan tidak mematuhi SOP yang ditetapkan**, boleh dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa** dan kebenaran melaksanakan aktiviti keagamaan boleh ditarik balik serta merta; dan
- Pihak PAD boleh **menarik balik kelonggaran ini jika terdapat kes COVID-19 dikalangan jemaah atau jemaah yang menjadi kontek rapat** kes positif COVID-19.


© Bahagian Pengurusan Masjid & Surau